

SIARAN AKHBAR

PERUNTUKAN RM12 JUTA DI BAWAH PROGRAM TUBE TERUSKAN KOMITMEN LAHIR USAHAWAN BELIA BUMIPUTERA



YB Datuk Ewon Benedict, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (tengah) telah merasmikan Majlis Peluncuran Program TUBE 11 di ITCC, Penampang, Sabah. Turut hadir adalah YBhg. Dato' Sri Khairul Dzai mee bin Daud, Ketua Setiausaha KUSKOP (tiga dari kiri), YBhg. Datuk Haji Zamri bin Salleh, Timbalan Ketua Setiausaha KUSKOP (2 dari kanan), YBrs. Puan Moira David @ Susan, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Sabah (MIDE) (kanan sekali), YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Bernard Giluk Dompok, Pengurus SME Corp. Malaysia (3 dari kanan), YBrs. Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia (2 dari kiri) dan YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah, Institut Koperasi Malaysia (kiri sekali).

PENAMPANG, 23 Februari 2025 – Sejumlah RM12 juta telah diperuntukkan di bawah Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) tahun ini bagi meneruskan komitmen SME Corp. Malaysia, agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), dalam menggalakkan agenda keusahawanan dalam kalangan belia Bumiputera. Majlis Peluncuran Program TUBE 11 telah dirasmikan oleh YB Datuk Ewon Benedict, Menteri Pembangunan Usahawan dan

Koperasi di International Technology & Commercial Centre (ITCC), Penampang, Sabah hari ini.

Program berbentuk latihan asas keusahawanan yang menyasarkan untuk melatih 500 bakal usahawan tahun ini akan bermula di Sabah dan seterusnya dilaksanakan di empat (4) zon lain iaitu Zon Utara, Pantai Timur, Tengah/Selatan dan Sarawak. Program TUBE menyediakan Geran Permulaan Perniagaan sehingga RM15,000 kepada setiap peserta yang berjaya menamatkan latihan. Tahun ini, Program TUBE 11 telah ditambah baik dengan modul latihan yang lebih dinamik dan selari dengan perkembangan terkini ekosistem keusahawanan menerusi topik seperti kecerdasan buatan (AI), pendigitalan serta penerapan amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

Peserta TUBE yang telah menamatkan latihan dan memulakan perniagaan akan sentiasa dipantau perkembangan mereka dalam usaha memastikan perniagaan khususnya yang melebihi dua tahun mempunyai potensi untuk berkembang daripada perniagaan bersaiz mikro kepada bersaiz kecil. Kaunselor perniagaan yang terdiri daripada pegawai SME Corp. Malaysia sentiasa bersedia memberikan sokongan kepada para peserta TUBE 11 dan alumni TUBE.

Menurut YB Datuk Ewon Benedick, “Program TUBE bertujuan melahirkan belia Bumiputera yang bukan sekadar pencari kerja, tetapi pencipta pekerjaan melalui aktiviti keusahawanan. Justeru, program ini bukan sahaja penting untuk mengurangkan kadar pengangguran belia tetapi juga untuk melahirkan lebih ramai usahawan yang mampu mencipta peluang pekerjaan untuk golongan muda di luar sana. Sejak diperkenalkan pada tahun 2014, ia telah melatih seramai 8,543 belia dengan mewujudkan 15,872 peluang pekerjaan dan mencatatkan nilai jualan terkumpul sebanyak RM194 juta”.

“KUSKOP akan mencadangkan agar program TUBE ini diteruskan dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13) dengan penambahbaikan yang lebih berfokus untuk meningkatkan keberkesanan program dan meluaskan capaiannya kepada lebih ramai belia Bumiputera di seluruh negara”, tambah beliau.

YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Bernard Giluk Dompok, Pengurus SME Corp. Malaysia dalam ucapan aluannya pula berkata, “Saya melihat Program TUBE ini lebih daripada sekadar menyediakan latihan keusahawanan kerana melaluinya, semua usahawan belia akan mempunyai sebuah komuniti iaitu rangkaian alumni TUBE, untuk

mereka saling menyokong antara satu sama lain, bertukar idea, berkongsi pengalaman dan membina jaringan perniagaan yang lebih luas”.

YBrs. Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia dalam majlis yang sama berkata, “Berdasarkan pencapaian sebelum ini, kami yakin bahawa TUBE 11 akan terus menjadi platform utama dalam membangunkan usahawan belia Bumiputera. Kami di SME Corp. Malaysia komited untuk memastikan peserta mendapat bimbingan berterusan, akses pembiayaan dan peluang padanan perniagaan agar mereka mampu bersaing di peringkat domestik dan global”.

Bagi memastikan belia Bumiputera mendapat sokongan berterusan, SME Corp. Malaysia turut menyediakan pelbagai inisiatif pembiayaan termasuk Tunas-i, iaitu pembiayaan patuh syariah bagi usahawan muda yang ingin memulakan perniagaan, *Bumiputera MSMEs Financing Initiative (BMFI)@BEEP* yang membantu perniagaan Bumiputera dalam pengembangan modal dan kapasiti serta Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB) khusus untuk usahawan menembusi pasaran global melalui sokongan geran dan latihan eksport.

Turut hadir semasa Majlis Peluncuran Program TUBE 11 adalah YBhg. Dato' Sri Khairul Dzai mee bin Daud, Ketua Setiausaha KUSKOP, YBhg. Datuk Haji Zamri bin Salleh, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Keusahawanan), YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Bernard Giluk Dompok, Penggerusi SME Corp. Malaysia dan YBrs. Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia.

- TAMAT -

Tentang SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nashat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). SME Corp. Malaysia juga menyelaras program pembangunan PMKS di Malaysia, menjalankan penilaian ekonomi dan pengakreditasian PMKS, serta melaksanakan program pembangunan perniagaan dan fasilitasi akses PMKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 603-9213 0077
Faks : 603-2775 6001
E-mel : info@smecorp.gov.my
Laman sesawang: www.smecorp.gov.my

Pengarah

**Bahagian Komunikasi Korporat
(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)
Tel : 03-2775 6290
E-mel : suraini@smecorp.gov.my**